

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 22 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 19



## Program saring pemohon PPR

ZURAIDA (tengah) menunjukkan Laporan Pencapaian KPKT 2019 ketika majlis Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam KPKT, semalam.

### Kursus induksi tapis bakal pemilik diperkenal Jun ini

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Pemohon bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang baharu perlu mengikuti kursus serta program induksi sebelum mendapat kelulusan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menetap di rumah berkenaan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, buat masa ini pihaknya dalam proses merangka kaedah berkenaan dan berkemungkinan ia diperkenalkan pada Jun ini.

Katanya, menerusi kaedah itu, ia secara tidak langsung

membantu pihaknya membuat saringan teliti kepada pemohon yang benar layak sebelum meluluskan permohonan mereka untuk mendiami rumah itu.

"Kami akan buat satu kaedah di mana pemohon PPR berpotensi ditapis sebaiknya. Mereka harus mengikut garis panduan ditetapkan. Selain itu kami akan memperkenalkan sistem merit kepada penghuni yang melanggar peraturan.

"Penghuni yang didapati melanggar peraturan, kami berhak usir mereka dan ganti dengan pemohon lain. Dengan adanya kaedah yang dinyatakan, kami dapat memastikan harta benda di PPR itu terjaga, tiada lagi keadaan yang kotor serta lam-

bakan warga asing atau sebagainya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan KPKT di sini, semalam.

Pada majlis berkenaan, Zuraida melancarkan Laporan Pencapaian KPKT 2019 yang mengandungi semua inisiatif KPKT yang sudah berjaya dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Antara yang disenaraikan dalam buku berkenaan ialah kejayaan KPKT memperkenalkan empat dasar bagi tahun lalu iaitu Dasar Perumahan Negara 2018-2025, Dasar Perumahan Mampu Milik Negara, Dasar Komuniti Negara 2019-2030 dan Dasar Kebersihan Negara 2030.

Zuraida dalam ucapannya turut mengatakan bahawa

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan perasaan bangga dengan KPKT dan mengucapkan terima kasih kerana Kementerian itu dilihat bergerak atas landasan serta menunaikan janji manifesto Pakatan Harapan (PH).

"Dalam pertemuan saya dengan Tun M (Tun Mahathir), beliau ucap terima kasih atas pencapaian dilaksanakan pada tahun lalu. Dalam semua empat bahagian utama bawah KPKT, janji satu juta rumah dalam tempoh 10 tahun itu dilihat bergerak atas landasannya. Maknanya sasaran itu dapat dicapai dan dalam masa 10 tahun kita dapat sempurnakan atau mungkin lebih awal dari itu," katanya.